

- (e) Sesalinan bil utiliti daripada PBA dan TNB bagi pegangan tersebut.
- (f) Bil cukai taksiran yang telah dijelaskan tanpa tunggakan.

Senarai semak permohonan pengecualian kadar ini juga boleh didapati di laman web rasmi MPSP di alamat www.mpsp.gov.my.

Pemohon adalah digalakkan untuk mencetak Senarai Semak tersebut dan dikepilkan bersama-sama dokumen permohonan bagi memudahkan semakan pemohon.

5. KAEDAH SALURAN PERMOHONAN

Permohonan yang telah lengkap hendaklah dihantar melalui saluran berikut:-

- (a) Serahan di Pejabat MPSP; atau
- (b) Secara Pos dan dialamatkan kepada:-
Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
Majlis Perbandaran Seberang Perai
Jalan Perda Utama, Bandar Perda
14000, Bukit Mertajam
Pulau Pinang

**UNTUK SEBARANG PERTANYAAN
SILA HUBUNGI
JABATAN PENILAIAN & PENGURUSAN HARTA**

**DI TALIAN:
04-5497 493/494/503**

**ATAU E-MEL KEPADA
pen@mpsp.gov.my**



**MAJLIS PERBANDARAN
SEBERANG PERAI**
www.mpsp.gov.my

PUBLISITI

SEKSYEN 134

**AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976
(AKTA 171)**

PENGECUALIAN DARI KADAR

1. PERUNTUKAN SEKSYEN 134, AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976 (AKTA 171)

Apabila sesuatu pegangan atau mana-mana bahagiannya digunakan semata-mata:-

- (a) sebagai tempat awam untuk sembahyang;
- (b) sebagai tanah perkuburan atau krematorium awam yang berlesen;
- (c) bagi sekolah awam;
- (d) sebagai tempat awam bagi maksud khairat atau bagi maksud sains, sastera atau seni halus,

dan bukan untuk mendapatkan keuntungan wang, Pihak Berkuasa Negeri boleh, menurut budi bicaranya, mengecualikan pegangan itu atau mana-mana bahagian pegangan itu dari pembayaran apa-apa kadar.

2. JENIS HARTA YANG DIBENARKAN

- (a) Permohonan pengecualian dari kadar di bawah Seksyen 134, Akta 171 boleh mempertimbangkan semua jenis pegangan samada jenis teres, berkembar, sesebuah atau pangsa yang digunakan bagi tujuan sepertimana dijelaskan di perenggan 1 di atas.
- (b) Secara umumnya, Seksyen 134, Akta 171 memberi keistimewaan kepada pegangan yang digunakan sebagai tempat awam.
- (c) Definisi tempat awam adalah tempat yang terbuka kepada semua orang, tidak terkhusus untuk golongan tertentu (Kamus Dewan Edisi Ketiga).

3. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN YANG BOLEH DIPERTIMBANGKAN UNTUK PENGECCUALIAN CUKAI TAKSIRAN

- (a) Sesuatu pegangan atau sesuatu bahagian daripadanya digunakan semata-mata:-
 - (i) sebagai tempat awam untuk sembahyang;
 - (ii) sebagai tanah perkuburan atau krematorium awam yang berlesen;
 - (iii) bagi sekolah awam;
 - (iv) sebagai tempat awam bagi maksud khairat atau bagi maksud sains, sastera atau seni halus; dan
- (b) Pegangan digunakan bukan untuk maksud mendapatkan keuntungan; dan
- (c) Memperoleh kelulusan Pelan Kebenaran Merancang (PKM) dan Sijil Layak Menduduki (OC) / Sijil Perakuan dan Pematuhan (CCC).

Mana-mana pegangan yang memenuhi kesemua kriteria (a) hingga (c) tersebut adalah layak untuk memohon untuk mendapatkan pengecualian cukai taksiran di bawah Seksyen 134, Akta 171.

CONTOH BERGAMBAR



MASJID



TOKONG



KUIL



GEREJA

4. PROSEDUR PERMOHONAN PENGECCUALIAN CUKAI TAKSIRAN

Pegangan yang mendapat kelulusan PKM dan OC/CCC bagi maksud kegunaan seperti yang dinyatakan di perenggan 1, akan dipertimbangkan oleh MPSP bagi kelulusan pengecualian kadar (cukai taksiran) di bawah Seksyen 134, Akta 171.

Walau bagaimanapun, bagi mana-mana pegangan sediaada yang masih belum menerima pengecualian kadar (cukai taksiran) tetapi ianya telah memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan, pemohon hendaklah mengemukakan permohonan secara bertulis kepada Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, MPSP.

Permohonan yang dikemukakan hendaklah disertakan bersama dokumen-dokumen seperti berikut:-

- (a) Surat permohonan lengkap dengan kepala surat (*letterhead*) daripada pemilik berdaftar pegangan yang merupakan organisasi yang sah.
- (b) Sesalinan suratan hakmilik tanah yang didaftarkan atas nama organisasi dan diperakui sah.
- (c) Sesalinan sijil pendaftaran organisasi daripada Pendaftar Syarikat Malaysia / Pendaftar Pertubuhan Malaysia yang diperakui sah.
- (d) Sesalinan profil syarikat / perlembagaan / undang-undang organisasi yang diperakui sah.